UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



# Laporan Tahunan

# PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

## UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

## 2024



Canva

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA





# Laporan Tahunan

# PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

## UiTM CAWANGAN PULAU PINANG

## 2024

# PENAFIAN

**Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang** tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerugian secara langsung atau tidak langsung yang dialami kerana menggunakan atau mengakses mana-mana maklumat, perkhidmatan dan perkara-perkara lain yang diperoleh dari laporan ini.

Mana-mana bahagian dalam laporan ini yang ingin diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk hendaklah mendapat keizinan daripada Perpustakaan Tun Abdul Razak terlebih dahulu.

Laporan tahunan akan diterbitkan secara tahunan / setahun sekali.

Terbitan Pertama 2024
eISSN:
© Hak Cipta Universiti Teknologi MARA, 2024

Diterbitkan oleh :
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Universiti Teknologi MARA
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

No Telefon :
04 - 382 2736 | Perkhidmatan Konsultasi
04 - 382 3262/ 04-562 3596 | Perkhidmatan Pelanggan
Laman Web: https://library.uitm.edu.my/penang

# SIDANG REDAKSI

## PENASIHAT

**Haji Ahmad Faizar bin Jaafar**
Timbalan Ketua Pustakawan

## EDITOR

**Nurhayati binti Hassan**
Pustakawan Kanan

## PENULIS

**Nor Azilawati binti Mohamad Azmi**
Pustakawan Kanan

**Nurulizwan bin Amir**
Pustakawan Kanan

**Nurhayati binti Hassan**
Pustakawan Kanan

**Farleen Azrina binti Zamberi**
Pustakawan Kanan

**Anita binti Yusuff**
Pembantu Pustakawan Kanan

**Muhammad Bukharie bin Hamzah**
Pembantu Pustakawan

## REKA GRAFIK

**Rafidah binti Muhamad Sam**
Pembantu Pustakawan Kanan

**Muhammad Shahmi bin Mohd. Sohairi**
Pembantu Pustakawan

## SUMBER MAKLUMAT

UNIT PENGURUSAN PERPUSTAKAAN
UNIT SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI
UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN
UNIT RUJUKAN & ARKIB
PTAR UiTMCPP KAMPUS BERTAM

# ISI KANDUNGAN

**PERUTUSAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN**

**PROFIL PERPUSTAKAAN**

Dasar, Misi,Visi & Falsafah
Objektif Perpustakaan
Carta Organisasi Perpustakaan
Pengurusan Perpustakaan UiTM Cawangan
Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

**PENGURUSAN PERPUSTAKAAN**

1. Perancangan Strategik
2. Pembangunan Sumber Manusia dan Bakat
3. Kecemerlangan Kualiti dan Inovasi
4. Pengurusan Kewangan dan Infrastruktur

**PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI**

**PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**

**PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN**

**REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI**

**LAWATAN**

**KOLABORASI**

**PENERBITAN**

**KERATAN AKHBAR**

# Perutusan KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

**Bersyukur saya kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan hidayahNya, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berjaya menerbitkan Laporan Tahunan Perpustakaan 2024.**

**Penerbitan Laporan Tahunan ini adalah untuk memaparkan perkongsian maklumat semasa berkaitan dengan perpustakaan agar ia dapat menjadi sebahagian sumber maklumat dan bahan rujukan penting yang boleh diakses bersama serta dapat memberi input yang berguna khususnya kepada semua warga UiTM.**

**Saya akan terus kekal menyokong penuh segala program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh PTAR khususnya dalam menyemarakkan pembudayaan membaca dan mencintai ilmu. Pelaksanaan pelbagai program kolaborasi bagi perkongsian dan pemindahan ilmu pengetahuan secara menyeluruh yang boleh dimanfaatkan oleh warga UiTM dan komuniti akan terus dipergiatkan dan diperkasakan.**

**Akhir kata, saya berdoa ke hadrat Allah s.w.t. semoga PTAR dapat meneruskan kecemerlangan dan berterusan mempertingkatkan prestasi program serta aktiviti demi memastikan visi, misi, aspirasi dan objektif tercapai sebagaimana yang dihasratkan.**

**Sekian.**



*Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar*
*Timbalan Ketua Pustakawan*

BARANGSIAPA YANG KELUAR UNTUK MENCARI ILMU, MAKA IA BERADA DI JALAN ALLAH HINGGA IA PULANG

H.R AT TIRMIDZI

# PROFIL PERPUSTAKAAN

# DASAR, MISI DAN OBJEKTIF

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK

## DASAR

Dasar Perpustakaan UiTM adalah memenuhi matlamat pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan inovasi & pengkomersialan, akademia industri & masyarakat, kepimpinan dan keusahawanan menerusi pengurusan perpustakaan, pembangunan sumber ilmu, perkhidmatan perpustakaan, repositori institusi universiti dan arkib universiti bagi mencapai hala tuju strategik universiti.

## MISI

Pemangkin kepada warga UiTM yang berilmu melalui pengaksesan maklumat yang komprehensif, relevan dan terkini serta kemudahan yang berkualiti bagi tujuan memenuhi keperluan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.

## OBJEKTIF

- Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan UiTM sebagai pusat kecemerlangan maklumat yang sentiasa kekal relevan, dirujuk dan dihormati.
- Mempelbagai sumber ilmu yang komprehensif, terkini dan relevan meliputi pelbagai format yang dapat diakses secara fizikal dan maya.
- Menyediakan kemudahan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.
- Menambah baik kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi terkini yang berfokuskan kepada keperluan pelanggan.
- Memperkasakan modal insan melalui nilai ESI ( *Excellence, Synergy, Integrity* ) dalam kalangan warga UiTM.
- Meningkatkan hubungan dan kerjasama dengan organisasi luar dalam kegiatan jaringan industri.

# PIAGAM PELANGGAN & OBJEKTIF KUALITI



## PIAGAM PELANGGAN

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Memastikan permohonan ***Book Delivery Service*** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja.**
2. Memastikan bahan **Pinjaman Antara Perpustakaan** (yang berjaya) dibekalkan dalam tempoh **dua (2) minggu** dari tarikh permohonan.
3. Memastikan **Aduan dan Maklumbalas Pelanggan** diberi maklumbalas dalam tempoh **satu (1) hari bekerja.**
4. Memastikan permohonan rujukan **bahan Arkib Universiti** tersedia dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja.**
5. Memastikan **Portal Perpustakaan Digital** dapat diakses **24/7** oleh pelanggan.
6. Memastikan **status kelulusan cadangan perolehan bahan baharu** (buku bercetak/ jurnal bercetak/ *eBook*/ PDAT/ *eJournal*) dimaklumkan kepada pencadang dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja.**

*TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN*
*KETUA PUSTAKAWAN*
*PERPUSTAKAAN UiTM*

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024



## OBJEKTIF KUALITI

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1. Memastikan **85%** Warga Universiti menggunakan Perpustakaan Digital UiTM.
2. Memastikan Kepuasan Hati Pelanggan mencapai **90%.**
3. Memastikan Pemilikan Bahan Silibus **100%** di dalam Koleksi Sumber Rujukan.
4. Memastikan kepakaran bidang staf perpustakaan dirujuk melalui jemputan perkongsian ilmu sebanyak **24 kali setiap tahun.**
5. Memastikan **800 ribu** pengunjung Perpustakaan UiTM menggunakan perkhidmatan fizikal Perpustakaan UiTM.
6. Memastikan **100%** Koleksi Arkib yang didaftarkan boleh diakses melalui *Online Finding Archive* (OFA).

*TS. HAJI AZIZI BIN HAJI JANTAN*
*KETUA PUSTAKAWAN*
*PERPUSTAKAAN UiTM*

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif Bil.19/2024 18 Nov 2024

# CARTA ORGANISASI
# PTAR KAMPUS PERMATANG PAUH



# CARTA ORGANISASI PTAR KAMPUS BERTAM



# PENGURUSAN PTAR UiTM CAWANGAN PULAU PINANG



**Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar**
Timbalan Ketua Pustakawan



**Nor Azilawati Mohamad Azmi**
Pustakawan Kanan
Kampus Permatang Pauh



**Nurulizwan Amir**
Pustakawan Kanan
Kampus Permatang Pauh



**Farleen Azrina Zamberi**
Pustakawan Kanan
Kampus Permatang Pauh



**Nurhayati Hassan**
Pustakawan Kanan
Kampus Bertam

# KAMPUS PERMATANG PAUH



Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang telah mula beroperasi pada 16 Jun 1996 di kampus sementaranya di bangunan Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir, Seberang Perai dan ianya merupakan kampus kesebelas UiTM.

Program yang ditawarkan ketika itu adalah Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal seramai 230 orang pelajar.

Di sini, Perpustakaan ditempatkan di salah satu bangunan sekolah bagi menyokong sesi pengajaran dan pembelajaran. Perpustakaan diketuai oleh seorang Pustakawan, Encik Noor Hidayat bin Adnan dan dibantu oleh 3 orang Pembantu Perpustakaan, seorang Jurutaip dan 4 orang Pembantu Am Rendah.





# SEJARAH PENUBUHAN PTAR

## KAMPUS PERMATANG PAUH

UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berpindah ke kampus tetapnya di Permatang Pauh pada 14 Ogos 2003. Ketika ini, Perpustakaan ditempatkan di Bangunan Perdana. Seiring dengan penambahan kapasiti enrolmen pelajar dengan menjadikan Kejuruteraan dan Pengurusan Hotel dan Pelancongan sebagai bidang-bidang utama, bangunan Perpustakaan telah dirancang untuk dibina.

Bangunan Perpustakaan UiTM Cawangan Pulau Pinang telah siap dibina pada 22 Mac 2011 dan mula beroperasi pada 25 Mei 2011. Bangunan setinggi 3 tingkat ini mempunyai struktur moden dan berkeluasan 5650 mps yang boleh memuatkan seramai 520 orang pengguna pada satu masa.

Perpustakaan telah dirasmikan pada 30 April 2015 oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin, Menteri Pendidikan pada ketika itu. Dengan perasmian itu, nama baru Perpustakaan UiTM Cawangan Pulau Pinang adalah Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR).








# KAMPUS BERTAM

Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam merupakan kampus kedua dengan keluasan keseluruhan adalah adalah 248 ekar yang merangkumi pembangunan permulaan Fasa 1 iaitu 32.6 ekar.

Pembangunan kampus kedua ini adalah bertujuan untuk menampung pertambahan pelajar di Kampus Permatang Pauh yang telah mencapai jumlah pelajar seramai 10,085 orang. UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam mula beroperasi pada 16 Mei 2011 dengan enrolmen permulaan seramai 521 orang pelajar.

Kumpulan pertama pelajar ini adalah daripada Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan yang terdiri daripada Diploma Farmasi, Diploma Teknologi Perubatan dan Diploma Sains Kesihatan Persekitaran. Pada Jun 2012, satu program baru iaitu Diploma Statistik dari Fakulti Sains Komputer dan Matematik telah ditempatkan di UiTM Kampus Bertam.






## KAMPUS BERTAM

Bagi menyokong keperluan akademik, Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) di Kampus Bertam telah mula beroperasi pada Julai 2011, menyediakan kemudahan pembelajaran yang komprehensif termasuk akses kepada bahan rujukan dan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti.



PTAR Kampus Bertam mampu menampung sehingga 122 orang pengguna pada satu-satu masa, menyediakan kemudahan seperti bahan rujukan, ruang bacaan, dan akses kepada sumber maklumat digital. Seiring dengan pertumbuhan ini, PTAR Kampus Bertam terus berkembang dalam menyediakan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti untuk memenuhi keperluan akademik pelajar dan pensyarah di Fakulti Farmasi dan Fakulti Sains Kesihatan.



ILMU TANPA AMAL ADALAH KEGILAAN, DAN AMAL TANPA ILMU ADALAH KESIA-SIAAN

IMAM GHAZALI

# PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

# MODEL PERANCANGAN STRATEGIK PERPUSTAKAAN UiTM 2024

## PEMBUDAYAAN ILMU

| | | | |
|---|---|---|---|
| **STRATEGIC GOAL** | **UiTM : GLOBALLY RENOWNED ; COMMUNITY AND LOCALLY ROOTED** | | |
| **STRATEGIC THRUSTS** | **QUALITY EDUCATION** | **GLOBAL EXCELLENT** | **VALUE DRIVEN PERFORMANCE** |
| **STRATEGIC THEMES** | EDUCATION 5.0<br>ENTREPRENEURIAL & WELL BALANCED GRADUATE<br>WIDENED ACCESS | TRANSLATIONAL RESEARCH DEVELOPMENT, INNOVATION & COMMERCIALISATION<br>INDUSTRY, COMMUNITY & ALLUMNI SMART PARTNERSHIP | TALENT EXCELLENT<br>AGILE GOVERNANCE<br>SMART CAMPUS<br>SUSTAINABLE FUNDING |
| **7** PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) | **KPI 1:** Peratus Pemilikan Bahan Silibus Universiti<br>**KPI 2:** Bilangan Rekod Penting Universiti<br>**KPI 3:** Bilangan Bahan Bacaan yang dirujuk | **KPI 4:** Bilangan Ketampakan Bahan Repositori Institusi<br>**KPI 5:** Bilangan Penyertaan Program Budaya Ilmu | **KPI 6:** Peratus Penggunaan Perkhidmatan Personalised Perpustakaan Digital<br>**KPI 7:** Peratus Kepuasan Bekerja Staf Perpustakaan UiTM |
| **13** PETUNJUK PRESTASI (PI) | **PI 1:** Bilangan Libat Urus Bersama Program Pengajian Universiti<br>**PI 2:** Bilangan Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib Bersama Pusat Tanggungjawab<br>**PI 3 :** Bilangan Judul Baharu Sumber Rujukan Universiti<br>**PI 4 :** Bilangan Pengunjung Fizikal Perpustakaan<br>**PI 5 :** Bilangan Muat Turun Bahan Digital Perpustakaan UiTM<br>**PI 6 :** Bilangan Pengunjung Maya Perpustakaan | **PI 7 :** Bilangan Muat Naik Bahan Repositori Institusi<br>**PI 8 :** Bilangan Penyertaan Kerjasama Komuniti Perpustakaan<br>**PI 9 :** Bilangan Penyertaan Program Literasi Maklumat<br>**PI 10 :** Bilangan Penglibatan Alumni UiTM | **PI 11 :** Bilangan Penggunaan Laman Web Perpustakaan UiTM<br>**PI 12 :** Peratus Staf Mencapai 42 jam Latihan<br>**PI 13 :** Bilangan Penyertaan Kecemerlangan Inovasi dan Produktiviti Kerja |
| **PERPUSTAKAAN UiTM** | | | |

# PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA DAN BAKAT

## Kekuatan sumber manusia di PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam

**28**

**ORANG STAF**

23 Kampus Permatang Pauh

5 Kampus Bertam

1 Staf Berpencen

1 Staf Menyambung Pengajian

1 Staf Baharu



# PENGURUSAN LATIHAN STAF

Jumlah pencapaian latihan 42 jam staf di PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh dan Kampus Bertam bagi tahun 2024



# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

## KAMPUS PERMATANG PAUH



**NUR SAFIAH BINTI NORDIN**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**4 Sept. 2023 - 31 Jan. 2024**



**NUR SARAH IMAN BINTI MOHD SUKRI**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**4 Sept. 2023 - 31 Jan. 2024**



**MUHAMMAD SHAIKHAL AIMAN BIN MOHD NASIR**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**19 Feb. 2024 - 4 Ogos 2024**

# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

## KAMPUS PERMATANG PAUH



**NUR SYAZWANA MOHD ARSHAD**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**21 Julai 2024 - 12 Sept. 2024**



**RABIATUL ADAWIYAH SANUSI**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**21 Julai 2024 - 12 Sept. 2024**



**AINA BATRISYA SHAHMI AMINUDIN**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**21 Julai 2024 - 12 Sept. 2024**

# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

## KAMPUS PERMATANG PAUH



**IRDINA NADIA BINTI MOHD MADZHAR**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**5 Ogos 2024 - 17 Januari 2025**



**AINA NUR UMAIRAH BINTI ABDUL RAHMAN**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**5 Ogos 2024 - 17 Januari 2025**



**NUR AFINA BINTI ZAHARI**
Sarjana Muda Sains Maklumat
(Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**5 Ogos 2024 - 17 Januari 2025**

# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

## KAMPUS BERTAM



**WAN NUR ALLIYA WAN MOHD KHAIRUDDIN**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**22 Julai 2024 - 13 Sept. 2024**



**NURUL ANIS ADEELA ROSELE**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**22 Julai 2024 - 13 Sept. 2024**



**NUR AMIRAH ABDUL HALIM**
Diploma Informatik Perpustakaan
Pusat Pengajian Sains Maklumat
UiTM Cawangan Kedah
**22 Julai 2024 - 13 Sept. 2024**

# PENGURUSAN LATIHAN INDUSTRI PELAJAR

## KAMPUS BERTAM



**AININ ADHA HADI ZULKIFLI**
Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Selangor
**5 Ogos 2024 - 17 Jan. 2025**



**ANNUR ATHILAH CHE AZIZ**
Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**5 Ogos 2024 - 17 Jan. 2025**



**NURUL AMANI AMIR**
Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Selangor
**5 Ogos 2024 - 17 Jan. 2025**



**NUR AIN CHE EMBI**
Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan
UiTM Cawangan Kedah
**5 Ogos 2024 - 17 Jan. 2025**


Sijil Penyertaan

Dengan ini diperakui bahawa

PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), CAWANGAN PULAU PINANG

Telah menyertai

Pertandingan Sudut Sustainable Development Goals (SDG)
Perpustakaan Akademik 2024

DR. CHAZALI BIN MOHAMED FADZIL
PRESIDEN
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA (PPM)

## Penyertaan PTAR dalam Pertandingan Sudut SDG (Sustainable Development Goals) Perpustakaan Akademik 2024 anjuran Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik (JKPA), Persatuan Pustakawan Malaysia.




Mei 2024

Aras 1 PTAR UiTMCPP

PTAR telah menyediakan Sudut SDG di aras 1 dengan memaparkan maklumat dan video mengenai SDG serta video aktiviti di PTAR yang menyokong inisiatif global ini.







# PENGURUSAN KEWANGAN

## PENJANAAN PENDAPATAN

| | |
|---|---|
| Denda | RM818.00 |
| Keahlian Luar | RM410.00 |
| Penjilidan | RM19.50 |
| Tabung Sumbangan Tunai Untuk Kemudahan Perpustakaan | RM4,613.88 |

## PERUNTUKAN BAHAN BERCETAK 2024

Kampus Permatang Pauh
RM 15,000.00



Kampus Bertam
RM 5,000.00

## PERBELANJAAN BAHAN BERCETAK KAMPUS PERMATANG PAUH & BERTAM

| | |
|---|---|
| Buku | RM39,755.72 |
| Majalah | RM2,020.00 |
| Surat Khabar | RM4,148.20 |

## Penyelenggaraan dan pembaikan pintu utama PTAR UiTM Kampus Bertam

27 November 2024

Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembaikan Pintu Gelangsar Automatik Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam yang dilakukan oleh pihak kontraktor pembaikan.











**TAK ADA YANG SIA-SIA DALAM BELAJAR, SETIAP PENGETAHUAN AKAN MEMBERIKAN MANFAAT PADA WAKTUNYA**

**ALI BIN ABI THALIB**

# PEMBANGUNAN SUMBER RUJUKAN UNIVERSITI

# PERUNTUKAN & PERBELANJAAN PEROLEHAN BUKU BERCETAK DAN MAJALAH

**Kampus Permatang Pauh**

| Peruntukan | Perbelanjaan |
|---|---|
| **RM15,000** | **RM18,967.56** |

126%

**Kampus Bertam**

| Peruntukan | Perbelanjaan |
|---|---|
| **RM5,000** | **RM22,808.16** |

456%

# HUB KANDUNGAN TEMPATAN




- Taxonomy (119)
    - By Niche (119)
        - **Industrial Disaster** (119)
            - Industrial Accidents (36)
            - Industrial Engineering (2)
            - Industrial Management (71)
            - Industrial Policy (8)
            - Industrial Safety (36)

Local Content Hub merupakan sebuah platform pengurusan sumber kandungan tempatan yang memberi tumpuan kepada pembangunan bahan berkaitan Malaysia yang merangkumi bahan seperti keratan surat khabar, buku, kertas konferens, video, laporan dan sebagainya..

Pada tahun ini, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan koleksi niche yang berkaitan dengan bidang **"INDUSTRIAL DISASTER".**

TUNTUTLAH ILMU. DI SAAT KAMU MISKIN, IA AKAN MENJADI HARTAMU. DI SAAT KAMU KAYA, IA AKAN MENJADI PERHIASANMU

LUQMAN AL-HAKIM

# PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

# RUANG PEMBELAJARAN KAMPUS PERMATANG PAUH


Ruang Bacaan Aras 1


Ruang Bacaan Aras 2


Ruang Bacaan Aras 3



Pusat IT



Bilik Diskusi


Bilik 16 Jam

# RUANG PEMBELAJARAN KAMPUS BERTAM



Sudut meja karel



Pusat IT



Ruang Bacaan Santai



Bilik Diskusi



PTAR *Classroom*



Ruang Bacaan

## Speaker Corner @PTARBERTAM

3 Januari 2024

8.30 pagi - 12.00 petang

Speaker Corner, PTAR UiTMCPP

43 orang pelajar

PTAR Bertam dengan kerjasama Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Pulau Pinang Kampus Bertam, menganjurkan sesi Speakers' Corner bersama pelajar Occupational Therapy.

Bertemakan My Favourite Movie, pelajar berkongsi tentang filem kegemaran mereka serta isi menarik yang dipilih. Program ini memupuk budaya ilmu dan meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar.








## Pesta Buku @PTARBERTAM

9 Januari 2024

9.00 pagi - 4.00 petang

Ruang PTAR Bertam, PTAR UiTMCPP

PTAR UiTMCPP Kampus Bertam telah menganjurkan Pesta Buku @PTAR Bertam 2024, melibatkan jualan buku oleh rakan pembekal dan pelbagai aktiviti menarik untuk pengunjung. Program ini turut digabungkan dengan Mini Carnival: International Community Service Collaboration, menjadikannya platform untuk mempromosikan budaya ilmu dan kolaborasi komuniti antarabangsa.








## One-Day Workshop : Use Writing Tools Correctly

- 9 Januari 2024
- 9.00 pagi - 4.00 petang
- Smart Classroom, UiTMCPP Kampus Bertam,
- 17 orang peserta

PTAR UiTMCPP Kampus Bertam telah menganjurkan bengkel intensif untuk pensyarah, penyelidik, dan pelajar, merangkumi pemformatan tesis menggunakan kaedah MZJ serta pengurusan rujukan dengan Mendeley dan EndNote. Program ini menyokong KPI PTAR ke-5 dan usaha meningkatkan bilangan staf akademik bergraduasi PhD, sekaligus memperkukuh budaya ilmu di UiTM.








## Resonance of Liberation : Save Palestine (a poem recital session)

17 Januari 2024

8.00 pagi - 10.00 pagi

LCE Space, PTAR UiTMCPP

Program mendeklamasi sajak anjuran bersama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Akademi Pengajian Bahasa ini merupakan tanda sokongan kepada kempen "Save Palestine" selain menyediakan platform untuk pelajar mengasah bakat "public speaking" mereka.








# PROGRAM PEMBUDAYAAN ILMU

## Tadarus Ramadhan @PTARBERTAM

- Sepanjang Ramadhan 2024
- Mengikut Jadual Yang Ditetapkan
- Google Meet/Pusat IT PTAR Bertam
- 9 orang peserta




Sempena bulan Ramadhan, PTAR Bertam dengan kerjasama Rumah Ngaji telah menganjurkan program Tadarus Al-Quran bersama warga kampus. Program ini bertujuan menggalakkan pembacaan, pemahaman, dan penghayatan Al-Quran sebagai amalan harian. Diharapkan inisiatif ini dapat membudayakan Al-Quran dalam kehidupan peserta, sambil meraih keberkatan dan rahmat Allah SWT.






## Unlock Your Voice & Speak To Win 2.0

11 Mac 2024

10.00 pagi - 12.00 tengah hari

LCE, PTAR UiTMCPP




Program anjuran Akademi Pengajian Bahasa dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang ini adalah untuk:

- Meningkatkan kemahiran komunikasi secara kreatif dalam kalangan pensyarah.
- Menjadi platform untuk peserta mengetengahkan pandangan dan pendapat mereka secara berhemah, berasaskan fakta, bertanggungjawab dan hormat-menghormati.
- Mendedahkan dan menggalakkan warga kampus untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembacaan dan galakan membaca.



## Book Review with Dr Ilianis sempena Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit

23 April 2024

10.00 pagi - 11.00 pagi

LCE, PTAR UiTMCPP

25 orang pelajar

Melalui program ini Dr. Nur Ilianis Adnan, Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Pulau Pinang telah membuat perkongsian bahan bacaan bertajuk 'Think Like A Monk'.

Diharapkan dengan perkongsian ini dapatmenyemarak dan menyuburkan minat membaca dalam kalangan warga kampus.








## Jom Baca Bersama @PTARBERTAM

- 23 April 2024
- 10.00 pagi - 11.30 pagi
- PTAR Bertam, PTAR UiTMCPP
- 29 orang peserta

Bersempena Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia, PTAR dengan kerjasama PPAPP dan PNM telah menganjurkan program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit. Program ini merupakan inisiatif pembacaan serentak di seluruh negara, berlangsung pada 23 April 2024 dari jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi.

Selain simbolik pembacaan 10 minit, pelbagai aktiviti lain turut diadakan untuk memupuk budaya membaca di kalangan masyarakat.











## EmpowerED : Voice of Change with Ms Marni Jamil

- 28 Jun 2024
- 8.30 pagi - 10.00 pagi
- LCE, PTAR UiTMCPP
- 42 orang pelajar






Program EmpowerED: Voices for Change merupakan program berbentuk pengucapan awam yang bercirikan “Public Service Announcement (PSA)” yang dapat meningkatkan kemahiran komunikasi secara kreatif dalam kalangan pelajar.

Antara tema-tema yang telah dibincangkan oleh peserta termasuk Digital Literacy and Online Safety, Diversity and Inclusion, Financial Literacy, Physical Health & Wellness, Academic Integrity dan Career Development and Professional Skills.



## Program 1 Staf 1 Buku: Resensi @PTAR




- 7 Julai 2024
- 9.15 pagi - 10.15 pagi
- Bilik Mesyuarat PTAR UiTMCPP
- 26 orang

Program ini telah dilaksanakan bagi menyemarak dan menyuburkan minat membaca dalam kalangan staf UiTM khususnya staf perpustakaan.

Melalui program ini, 2 orang staf dan seorang pelajar latihan industri telah meminjam buku dari koleksi perpustakaan seterusnya membuat perkongsian mengenai buku yang telah dibaca. Secara tidak langsung ianya turut mempromosikan kepada warga kampus koleksi bahan-bahan bacaan yang terdapat di PTAR.







## Program 1 Staf 1 Buku (Mobile Library)

- 10 September 2024
- 10.00 pagi - 12.00 tengah hari
- Sekitar Kampus UiTMCPP
- 50 orang

Program 1 Staf 1 Buku ini merupakan inisiatif perpustakaan untuk mempromosi koleksi bahan bacaan disamping untuk membugarkan amalan membaca dalam kalangan warga kampus khususnya staf. Antara lokasi kunjungan mobile library ini adalah Pejabat Rektor, Bahagian Pentadbiran, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Bendahari dan Bahagian Hal Ehwal Akademik. Selain menyediakan akses perbukuan, para peserta berpeluang memenangi cabutan bertuah dan mencuba permainan Shelve It.













## Mobile Library @PTAR BERTAM

28 Oktober 2024

9.00 pagi - 3.00 pagi

Kolej Al-Zahrawi, UiTMCPP

56 orang peserta

PTAR UiTMCPP Kampus Bertam telah menganjurkan program Mobile Library di Kolej Az-Zahrawi pada 28 Oktober 2024. Program ini berjaya menarik penyertaan 56 pelajar dan berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Aktiviti menarik seperti pinjaman buku, Wheels of Books, DIY Keychain, dan kuiz portal perpustakaan turut diadakan, dengan 138 buku dipinjam sepanjang program. Inisiatif ini bertujuan mendekatkan warga kampus kepada perkhidmatan perpustakaan dan memupuk budaya membaca.








## Jualan Buku @ PTAR Open Day

5 - 7 November 2024

9.00 pagi - 4.30 petang

LCE PTAR UiTMCPP




Program Jualan Buku @PTAR Open Day ini telah berlangsung selama 3 hari dan ianya mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga kampus dan komuniti sekitar.

Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk menyediakan akses mudah kepada buku-buku bermutu tinggi dengan harga istimewa serta memberi peluang kepada warga kampus khususnya mengenali lebih dekat penerbit-penerbit tempatan yang aktif dalam penerbitan karya Islami dan ilmiah. Pelbagai genre buku, termasuk motivasi, agama, dan pembangunan diri, ditawarkan pada harga diskaun yang menarik oleh penerbit Telaga Biru Sdn Bhd dan Must Read Sdn Bhd.









## Book Talk with Author: Bina Insan MADANI

13 November 2024

8.00 malam - 10.00 malam

LCE, PTAR UiTMCPP

Peserta : 143 orang

Sempena lawatan kerja Ahli Lembaga Pengarah UiTM Encik Mustaffa Kamil Ayub ke UiTM Cawangan Pulau Pinang, beliau telah berkongsi mengenai Bina Insan MADANI dan memperkenalkan buku panduan Latihan Bina Insan Madani sempena 25 Tahun UiTM Sebagai Universiti.

Sesi book talk ini telah dihadiri oleh warga kampus yang terdiri daripada barisan Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Pengurusan Kanan Kampus, Caretaker Majlis Perwakilan Pelajar serta para pelajar yang terpilih. Program telah diakhiri dengan penyerahan buku kepada YBhg. Prof Dato' Ir. Dr. Hj. Ahmad Rashidy Razali, Menjalankan Fungsi Rektor dan para hadirin yang hadir.











## PTAR Open Day 2024

- 5 hingga 7 November 2024
- 9.00 pagi - 4.30 petang
- LCE, PTAR UiTMCPP
- Peserta : 2,500 orang

Program ini dianjurkan bersama oleh PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh dan Kelab Briged Sukarelawan Perpustakaan dengan kerjasama Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTMCPP, MASMED dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCPP.

PTAR Open Day 2024 telah dapat mengukuhkan hubungan antara warga UiTM Cawangan Pulau Pinang dan komuniti setempat sambil memupuk budaya ilmu serta semangat keusahawanan. Program ini juga membuktikan komitmen perpustakaan dalam memperkasakan penglibatan masyarakat melalui inisiatif berimpak tinggi.












# PENDIDIKAN PENGGUNA

| | |
|---|---|
| **Konsultasi Pelajar Master/PHD** | Permatang Pauh<br>2 sesi / 2 pelajar |
| **Bilangan Kolaborasi Pengajaran & Penulisan Akademik** | Sesi 11/ 237 peserta |
| **Taklimat Orientasi Perpustakaan** | Permatang Pauh - 1,899 peserta<br>Bertam - 439 peserta |
| **Kelas Kemahiran Maklumat** | Permatang Pauh - 12 sesi/413 peserta<br>Bertam - 73 sesi/981 peserta |
| **Information Literacy Program Pelajar Semester 1** | Permatang Pauh - 1,899 peserta<br>Bertam - 439 peserta |

## Sesi Meet & Greet PTAR Bersama Fakulti

Program libat urus bersama fakulti ini bertujuan untuk mempromosi perkhidmatan yang disediakan di PTAR serta mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Pengajian Kejuruteraan Awam | 16 Ogos 2024 | 9.00 pagi - 11.00 pagi | 5 orang | Bilik Mesyuarat PKA |
| Pengajian Kejuruteraan Mekanikal | 21 Jun 2024 | 9.30 pagi - 11.30 pagi | 15 orang | Bilik Mesyuarat PKM |
| Pengajian Kejuruteraan Kimia | 14 Jun 2024 | 9.30 pagi - 11.30 pagi | 3 orang | Pusat IT PTAR |
| Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan | 17 Mei 2024 | 9.30 pagi - 11.30 pagi | 9 orang | Bilik Mesyuarat PTAR |
| Pengajian Kejuruteraan Elektrik | 10 Mei 2024 | 9.30 pagi - 11.30 pagi | 4 orang | Bilik Mesyuarat PKE |

## Sesi Meet & Greet PTAR Bersama Fakulti

Program libat urus bersama fakulti ini bertujuan untuk mempromosi perkhidmatan yang disediakan di PTAR serta mendapatkan maklumbalas berkaitan perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan bagi tujuan penambahbaikan

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **Fak. Sains Kesihatan & Farmasi** | 31 Disember 2024 | 3.00 ptg - 4.00 ptg | 12 orang | Google Meet |
| **Jabatan Pengurusan Perniagaan** | 18 Disember 2024 | 3.00 ptg - 4.30 ptg | 3 orang | Bilik Mesyuarat PTAR |
| **JSG & JSKM** | 17 Disember 2024 | 3.00 ptg - 4.30 ptg | 6 orang | Bilik Mesyuarat PTAR |

# SOKONGAN PENYELIDIKAN

## JumlahSemakan Verifikasi Rekod Penerbitan Universiti Sistem PRIMe




## Pencapaian Input Data dan Pemilikan Profil Penyelidik H-Index ke dalam Sistem Penerbitan PTAR UiTM

| | |
|---|---|
| Google Scholar | 80.4% |
| SCOPUS | 69.78% |
| WOS | 64.29% |

## Pencapaian Muat Naik Artikel dan Indexing Jurnal UiTM di dalam Sistem MyJurnal

| | |
|---|---|
| Esteem Academic Journal | 22 Artikel |
| Esteem Journal of Social Science & Humanities | 33 Artikel |

# PENGLIBATAN ALUMNI

Penglibatan alumni di perpustakaan  bukan sahaja memberikan faedah kepada alumni sendiri, tetapi juga memperkaya pengalaman belajar dan pembelajaran di dalam komuniti perpustakaan secara keseluruhan. Pendaftaran keahlian luar perpustakaan oleh alumni dan penyertaan alumni dalam program anjuran perpustakaan memberikan impak positif kepada pembangunan peribadi dan profesional bagi alumni, pelajar, dan komuniti.

**Jumlah Keahlian Luar**

| | |
|---|---|
| Permatang Pauh | 16 |
| Bertam | 5 |

**Program Bersama Alumni**

| | |
|---|---|
| Permatang Pauh | 3 |
| Bertam | 1 |

**Jumlah Penglibatan Alumni**

| | |
|---|---|
| Permatang Pauh | 63 |
| Bertam | 1 |

# PROGRAM BERSAMA ALUMNI

## Alumni Expert Program (Open Mic Session) Transformasi Diri: Merubah Keraguan Menjadi Kekuatan

- 18 Mei 2024
- 10.00 pagi - 11.00 pagi
- LCE, PTAR UiTMCPP
- 44 orang

Puan Shailey Azizah Azmi merupakan alumni Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan UiTM Cawangan Pulau Pinang daripada Dayyan Group Empire.



## Larian Amal Penyayang & Sukaneko Bersama Alumni, Komuniti & Industri UiTMCPP 2024

- 18 Mei 2024
- 7.00 pagi
- Sekitar UiTMCPP




## Bengkel MCMC Microsoft AI Teach: Skills for AI-enabled Economy oleh ICAN UiTMCPP

- 21 & 22 September 2024
- 8.30 pagi - 6.00 petang
- LCE, PTAR UiTMCPP & Makmal ICT Laman Perdana UiTMCPP





## Program Tadabbur Al-Quran anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTMCPP Kampus Bertam

- 29 November 2024
- 8.30 pagi - 9.30 pagi
- Ruang Rumah Ngaji, PTAR UiTMCPP Kampus Bertam

Program Tadabbur Al-Quran anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak UiTMCPP Kampus Bertam telah diadakan di Ruang Rumah Ngaji yang telah dihadiri oleh warga UiTM Kampus Bertam.

Tuan Haji Muhammad Razif Bin Abdul Rashid yang merupakan alumni UiTM telah dijemput untuk mentadabbur surah Yassin.







**TETAPLAH RENDAH HATI DALAM MENGGAPAI ILMU, KARENA ILMU YANG SEJATI AKAN MEMBUAT KITA SEMAKIN MENGHARGAI KEBESARAN ALLAH**

ALI BIN ABI THALIB

# PENDIGITALAN PERPUSTAKAAN

# PENARAFAN RANKING WEB OF REPOSITORIES

Repositori UiTM memberi penekanan kepada bahan-bahan harta intelek UiTM yang diterbitkan dalam pelbagai medium atau tidak pernah diterbitkan.

Bahan harta intelek akan ditukar kepada format digital bagi membolehkan akses secara elektronik atau capaian secara atas talian. Warga UiTM boleh mendapatkan teks penuh bahan melalui My Knowledge Management Portal (MyKM) atau membuat permohonan teks penuh di pautan yang disediakan.




**Bilangan muat naik bahan IR UiTM Cawangan Pulau Pinang**

| | |
|---|---|
| Sasaran | 800 |
| Pencapaian | 801 |

100.13%

**Koleksi Digital Bahan Harta Intelek Pulau Pinang**

| | |
|---|---|
| Tesis | 10 |
| Artikel | 87 |

# MYKM & PEMBELAJARAN DIGITAL

Portal MyKM ialah medium perkhidmatan secara personal di dalam Perpustakaan Digital UiTM. Kelebihan utama portal MyKM ini adalah penyediaan maklumat secara terperinci dan boleh disusun berdasarkan bidang pengajian mahasiswa. Mahasiswa hanya perlu mengetik masuk ke portal MyKM dan judul-judul terkini koleksi perpustakaan dalam pelbagai bentuk maklumat akan tersenarai untuk dipilih oleh pengguna, termasuklah koleksi digital kertas soalan peperiksaan.

Portal MyKM turut menawarkan menu My Article. Menu ini mengandungi maklumat terkini h-indeks setiap penulis. Maklumat indeks sitasi penerbitan oleh penyelidik ini sentiasa dikemaskini dan amat berguna untuk menggalakkan produktiviti penulisan penyelidikan






# MOBILE APP














## Open Day PTAR UiTMCPP 2024

6 November 2024 (Rabu)

8.30 pagi - 4.30 petang

PTAR UiTMCPP

KEJUJURAN ADALAH BAB PERTAMA DARI BUKU KEBIJAKSANAAN.
ORANG BIJAKSANA TETAP ADA MUSUH JUGA, IAITU DIRINYA SENDIRI

ZAMIDAH HASHIM

# REKOD DAN ARKIB UNIVERSITI

# LAWATAN DAN PENILAIAN PELUPUSAN DI BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR - 18 JANUARI 2024

Unit Arkib telah membuat sesi lawatan ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar pada 18 Januari 2024 bagi membuat penilaian bahan yang dicadang untuk pelupusan.

Bahagian Hal Ehwal Pelajar akan membuat permohonan pelupusan bahan secara berperingkat. Staf Unit Arkib telah berkongsi maklumat ringkas berkaitan perancangan Unit Arkib untuk tahun ini.









# PENGKISAHAN CERITA GAMBAR-GAMBAR LAMA TENTANG AKTIVITI/PROGRAM DI KAMPUS PERMATANG PASIR DAN KAMPUS PERMATANG PAUH - 16 APRIL 2024

Unit Arkib UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menjemput Encik Mohd Shukeri Ahmad dan Puan Rahimah Abdul Rahim bagi menceritakan mengenai kisah di sebalik gambar-gambar lama aktiviti dan program di Kampus Permatang Pasir dan Kampus Permatang Pauh.

Hasil perjumpaan, banyak info telah diperoleh dan kesemua gambar tersebut boleh diakses melalui sistem OFA di pautan https://ams.uitm.edu.my/ofa/











# BENGKEL PEMULIHARAAN REKOD (SELEPAS BENCANA) SIRI 2/2024 - 10-11 JUN 2024

Arkib Negara Malaysia telah menganjurkan Bengkel Pemuliharaan Rekod (Selepas Bencana) Siri 2/2024 pada 10-11 Jun 2024. Bengkel yang dianjurkan di Dewan Tun Rahah, Memorial Tun Abdul Razak, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur ini telah dihadiri peserta dari pelbagai agensi kerajaan seluruh Malaysia.




2 orang staf Unit Arkib UiTM Cawangan Pulau Pinang iaitu Encik Mohd Roslan Rosli, Pembantu Pemuliharaan Kanan dan Encik Muhammad Bukharie Hamzah, Pembantu Pemuliharaan telah dipilih menyertai bengkel ini. Bengkel ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai:-

•Pengenalan kepada Bencana Rekod

•Pemeliharaan dan Pemuliharaan Rekod

•Pelan Tindakan Bencana Rekod

•Kaedah Pemuliharaan Rekod akibat banjir dan kebakaran

.Latih Amali Penyelamatan Rekod



# BENGKEL PEMULIHARAAN REKOD (SELEPAS BENCANA) SIRI 2/2024 - 10-11 JUN 2024








## BENGKEL PEMBANGUNAN KLASIFIKASI FAIL KEPADA PEMBANTU TADBIR REKOD JABATAN -3-4 SEPTEMBER 2024

Pada 3 dan 4 September 2024, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Bengkel Pembangunan Klasifikasi Fail kepada Pembantu Tadbir Rekod Jabatan (PTRJ) UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Bengkel yng disertai oleh 70 orang PTRJ dari ketiga-tiga cawangan UiTM ini telah dikendalikan oleh Puan Azniza binti Mohamad Nor, Penolong Pendaftar Kanan, Unit Perkhidmatan Rekod, Bahagian Arkib Universiti, PTAR Shah Alam.

Antara objektif bengkel ini dilaksanakan ialah untuk memberi kefahaman kepada peserta berkenaan sistem klasifikasi baharu yang akan dilaksanakan ke seluruh sistem UiTM. Selain itu, bengkel ini juga diadakan untuk menyediakan dan membangunkan satu kerangka klasifikasi fail baharu yang melibatkan semua PTJ UiTM Cawangan serta membuat pemetaan semula nombor klasifikasi fail yang sedia ada dengan yang baharu. Ia juga diharapkan dapat membantu semua pembantu tadbir yang terlibat untuk menyusun, menjelas dan menghubung kait klasifikasi fail sedia ada dengan klasifikasi fail yang baharu.








# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PEJABAT POLIS BANTUAN – 7 MEI 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Pejabat Polis Bantuan UiTMCPP pada 7 Mei 2024 (Selasa).

Tuan Yuzaini Ridzuan Bin Yusof, Timbalan Pegawai Keselamatan telah hadir bersama 4 orang staf Pejabat Polis Bantuan UiTMCPP pada sesi kali ini.

Objektif utama sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan rekod dan fail.









# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PEJABAT BENDAHARI UITMCPP - 14 MEI 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Pejabat Bendahari UiTMCPP pada 14 Mei 2024 (Selasa).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Pejabat Bendahari UiTMCPP.









## SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK (PTAR) - 6 JUN 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTMCPP pada 6 Jun 2024 (Khamis).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf PTAR UiTMCPP.









# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR (HEP) - 13 JUN 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTMCPP pada 13 Jun 2024 (Khamis).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf HEP UiTMCPP.











# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN PENYELIDIKAN, JARINGAN INDUSTRI MASYARAKAT DAN ALUMNI - 24 JUN 2024



Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri Masyarakat dan Alumni (PJIM&A) UiTMCPP pada 24 Jun 2024 (Isnin).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf PJIM&A UiTMCPP.







# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN HAL BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PEJABAT REKTOR- 4 JULAI 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Pentadbiran dan Pejabat Rektor UiTMCPP pada 4 Julai 2024 (Khamis).



Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Bahagian Pentadbiran dan Pejabat Rektor UiTMCPP.







# MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN DAN KESELAMATAN REKOD NEGERI BIL. 1/2024 - 15 JULAI 2024

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Keselamatan Rekod Negeri Bil. 1/2024

Tarikh : 15 Julai 2024 (Isnin)
Masa : 11.30 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat PTAR









# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN PENGURUSAN FASILITI UITMCPP - 18 JULAI 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTMCPP pada 18 Julai 2024 (Khamis).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Bahagian Pengurusan Fasiliti UiTMCPP.









## SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN INFOSTRUKTUR UITMCPP - 1 OGOS 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Infostruktur UiTMCPP pada 1 Ogos 2024 (Khamis).

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Bahagian Infostruktur UiTMCPP.









# SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK - 27 DISEMBER 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian Hal Ehwal Akademik pada 27 Disember 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM Cawangan Pulau Pinang. Sesi ini berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.



Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Bahagian Infostruktur UiTMCPP.







## SESI LIBAT URUS PENGURUSAN REKOD DAN ARKIB BERSAMA KAMPUS BERTAM - 30 DISEMBER 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Kampus Bertam yang diadakan melalui platform Google Meet. Sesi ini berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 10.30 pagi.

Sesi libat urus yang dikendalikan oleh Puan Farleen Azrina Zamberi, Pustakawan Kanan ini adalah untuk mendedahkan kepada warga Universiti berkenaan cara pengendalian rekod dan fail serta memberi khidmat nasihat tentang pengurusan fail dan rekod kepada staf Bahagian Infostruktur UiTMCPP.








## SEMINAR PEMIKIRAN P. RAMLEE "SEPANJANG RIWAYATKU" – 10 MEI 2024

Unit Arkib Cawangan Pulau Pinang telah memenuhi undangan Arkib Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang ke Seminar Pemikiran P. Ramlee "Sepanjang Riwayatku" di Hotel Royale Chulan Georgetown pada 10 Mei 2024 (Jumaat). Seminar ini dirasmikan oleh YB Wong Hon Wai, Exco Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Negeri Pulau Pinang mewakili YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Sesi pertama bertajuk "Imej Masyarakat MADANI Dalam Karya P. Ramlee" bersama panel iaitu YBhg. Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, YBhg. Datu Dr. Hj. Adi Badiozaman Tuah dan Dr. Selvarani A/P Kovil Pillai, serta moderator Encik Azrie Izham Hamzah.








# PROGRAM UNIT ARKIB CAWANGAN

## SEMINAR PEMIKIRAN P. RAMLEE "SEPANJANG RIWAYATKU" – 10 MEI 2024

Sesi petang pula bertajuk "P. Ramlee Yang Ku Kenali" bersama seniwati-seniwati iaitu YBhg. Dato' Rosnani Jamil, Puan Ruminah Sidek, Puan Sophia Ibrahim, dan moderator Encik Mohammad Rohaizad bin Hj. Mohamad Rasid. Sesi petang ini merupakan perkongsian oleh seniwati-seniwati tentang perwatakan P. Ramlee sepanjang hidupnya sebagai anak seni.










# FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA 2024 - 21 MEI 2024

Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 diadakan di Dewan Sri Pinang, Padang Kota, Pulau Pinang dari 13 hingga 22 Mei 2024. Unit Arkib UiTMCPP telah mengambil peluang untuk berkunjung ke festival ini yang bertemakan Muzium untuk Pendidikan dan Penyelidikan pada 21 Mei 2024.




Terdapat reruai pameran dan aktiviti menarik daripada lebih kurang 40 Muzium dari seluruh Malaysia, Singapura, Indonesia seperti Lembaga Muzium Negeri dari serata Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia, Muzium Nelayan Tanjung Balau, Muzium Penjara Malaysia, Malay Heritage Centre (Singapore), Indonesian Museum Association (AMI) Kalimantan dan pelbagai agensi lagi.













ILMU BUKANLAH DENGAN BANYAKNYA RIWAYAT. ILMU TIDAK LAIN ADALAH SEBUAH CAHAYA YANG ALLAH TEMPATKAN DI DALAM HATI

IMAM MALIK

# LAWATAN

# KUNJUNGAN HORMAT

4 Mac 2024- PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang telah berbesar hati menerima kunjungan lawatan dari Naib Canselor UiTM, YBhg. Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib.

Beliau telah diberi taklimat ringkas oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Tuan Haji Ahmad Faizar bin Jaafar mengenai projek-projek yang akan dilaksanakan di perpustakaan termasuk New Learning & Training Space serta Sudut IQRA.










# LAWATAN AGENSI DALAM NEGARA



**Sesi UNI Tour : Lawatan Kolej Matrikulasi Kedah**

12 Januari 2024

40 orang pelajar




**Lawatan Pembimbing Rakan Sebaya SMK Tinggi Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

5 Februari 2024

51 orang pelajar

4 orang guru




**Lawatan Kolej Vokasional Nibong Tebal, Pulau Pinang**

17 April 2024

34 orang pelajar

4 orang guru



**Lawatan SMK Kubor Panjang, Kedah**

10 Julai 2024

35 orang pelajar

5 orang guru



**Lawatan SMK Jeli, Kelantan**

1 Ogos 2024

40 orang pelajar

4 orang guru




**Lawatan SMK Tun Fatimah Hashim, Johor**

22 Ogos 2024

76 orang pelajar

8 orang guru

# LAWATAN AGENSI DALAM NEGARA




**Lawatan Akademik dan Taklimat Misi Akademik MRSM Merbok, Kedah**

6 September 2024 | 37 orang pelajar | 1 orang guru




**Lawatan Sambil Belajar SMK Dato Sheikh Ahmad, Arau, Perlis**

27 September 2024 | 40 orang pelajar | 4 orang guru



**Lawatan Sambil Belajar SMK Raja Puan Muda Tengku Fauziah, Perlis**

3 Oktober 2024 | 168 orang pelajar | 8 orang guru



**Lawatan Maahad Tahfiz Sains Darul Aman, Kedah**

7 November 2024 | 54 orang pelajar | 5 orang guru




**Lawatan Sambil Belajar Kolej Vokasional Kangar, Perlis**

22 November 2024 | 80 orang pelajar | 6 orang guru

# LAWATAN AGENSI LUAR NEGARA




Lawatan Dean of School of Food Industry, King Mongkut's Institute of Technology Ladkrabang, Thailand

11 Jun 2024 | 3 orang




Lawatan dari delegasi Faculty of Vocational and Engineering, Universitas Pendidikan Ganesha, Indonesia

12 Jun 2024 | 9 orang



Lawatan Mahasiswa Fakultas Pengajian Vokasi Universitas Airlangga (UNAIR) Indonesia

3 Oktober 2024 | 10 orang




Lawatan Mahasiswa Fakultas Pengajian Vokasi Universitas Negeri Malang, Indonesia

17 Oktober 2024 | 25 orang




Lawatan Mahasiswa Universitas Syiah Kuala, Acheh, Indonesia dan Universitas Muhammaddiyah, Pontianak

5 November 2024 | 10 orang

ORANG ARIF BIJAKSANA IALAH ORANG YANG TAHU DIKIAS DENGAN BANDING, TAHU DILAHIR DENGAN BANDING, TAHU AKAN APA YANG TERSURAT DAN TERSIRAT

ABDULLAH HUSSAIN

# KOLABORASI

## Program Bicara Ilmu Masjid Al-Aqsa Untuk Semua Umat Islam : Perantara perjalanan Israk Mikraj & kepentingannya.

- 5 Februari 2024 (Isnin)
- 3.00 petang - 4.30 petang
- LCE, PTAR UiTMCPP




Sempena meraikan sambutan peristiwa Israk Mikraj, telah berlangsung Program Bicara Ilmu oleh Ustaz Manis. Beliau berkongsi mengenai sejarah pencabulan Palestin oleh Israel sejak 75 tahun yang lalu disamping peranan umat Islam di dunia untuk memberi perhatian kepada Palestin yang merupakan tanah yang diberkati dan menjadi naungan seluruh umat Islam.

Program anjuran PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam ini turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook PTARUiTMCPP dan disertai oleh 109 penonton di LCE daripada Rumah Ngaji Pulau Pinang, pelajar-pelajar Mutawif serta staf UiTM.

# LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROGRAM

## Program Bicara Ilmu Masjid Al-Aqsa Untuk Semua Umat Islam : Perantara perjalanan Israk Mikraj & kepentingannya.














## Ceramah Israk Mikraj bersama Al-Fadhil Ustaz Roslan Che Rus

13 Februari 2024

9.00 pagi - 10.30 pagi

LCE, PTAR UiTMCPP

Program ceramah anjuran Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang ini telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Roslan Che Rus untuk memberi penghayatan peristiwa Israk Mikraj dalam kalangan audiens.

Ceramah yang berlangsung selama satu jam setengah ini antara lainnya mengingatkan para peserta tentang pentingnya mengerjakan solat yang difardukan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad SAW ketika peristiwa Israk Mikraj.



# LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROGRAM

## Ceramah Israk Mikraj bersama Al-Fadhil Ustaz Roslan Che Rus








## Sparkle Through Speech 3.0, Digital Dialogue : Mastering Communication Skills

14 & 15 Februari 2024

8.00 pagi - 5.00 petang

LCE, PTAR UiTMCPP




Program Sparkle Through Speech (STS) adalah satu inisiatif yang dirancang khas untuk pelajar (9-12 tahun) yang berminat meningkatkan kemahiran berbahasa mereka, merangkumi kemahiran mendengar, bertutur, membaca, dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan berkeyakinan. Seramai 43 orang peserta yang berjaya mengikuti program ini turut diberi pendedahan penggunaan teknologi dalam pembelajaran.

Program ini telah dianjurkan oleh Akademi Pengajian Bahasa UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang, Fakulti Pengajian Pendidikan UPM, Universitas Negeri Padang, Sumatera Barat Indonesia dan Podcaster (Bakat Muda) UiTM Cawangan Pulau Pinang.

## Sparkle Through Speech 3.0, Digital Dialogue : Mastering Communication Skills










## Program Penghayatan Al-Quran : Pedoman sepanjang kehidupan

22 Mac 2024

8.30 pagi - 12.30 tengah hari

LCE, PTAR UiTMCPP

Program bimbingan Al-Quran ini buat julung kalinya diadakan bersama Ustazah Mardziah Zakaria, Pengerusi SALIMAH, Persatuan Persaudaraan Muslimah Pulau Pinang. Kehadiran seramai 18 orang peserta ini terdiri daripada warga UiTM serta komuniti setempat.

Program ini dianjurkan oleh Yayasan Restu, Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang










## Ceramah Nuzul Quran bersama Profesor Madya Dr. Mohd Sukki Othman

26 Mac 2024

10.30 pagi – 12.00 tengah hari

LCE, PTAR UiTMCPP

Program ceramah ini telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Mohd Sukki Othman, Pensyarah Universiti Putra Malaysia. Ianya telah berlangsung selama satu jam setengah turut disiarkan secara langsung menerusi Facebook Unit Hal Ehwal Islam. Sebelum program berakhir, audiens diberi peluang untuk bertanyakan soalan kepada penceramah melalui aplikasi Whatsapp.

Program ceramah ini adalah anjuran Unit Hal Ehwal Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang



# LIBRARY COMMUNITY ENGAGEMENT PROGRAM

## Ceramah Nuzul Quran bersama Profesor Madya Dr. Mohd Sukki Othman








## Kem Aulad : Bengkel Solat Jenazah

19 April 2024

9.00 pagi - 4.30 petang

LCE, PTAR UiTMCPP

Program ini telah disertai oleh 45 orang peserta dalam kalangan anak-anak staf UiTM Cawangan Pulau Pinang bersempena dengan cuti sekolah. Peserta diajar pengenalan serta cara menunaikan solat jenazah secara teori dan praktikal.
















## Program Peningkatan Motivasi dan Lawatan Sambil Belajar Pelajar SMV Kolej Vokasional Nibong Tebal

17 April 2024

8.00 pagi – 4.30 petang

LCE, PTAR UiTMCPP




Program ini bertujuan untuk memberi suntikan motivasi dan semangat yang berterusan dalam pembelajaran kepada para pelajar. Ianya turut memberi pendedahan kepada pelajar mengenai maklumat serta gambaran persediaan untuk kemasukan ke peringkat pengajian tinggi khususnya UiTM. Selain program motivasi ini, perkongsian ilmu juga diberikan kepada pelajar mengenai literasi maklumat yang boleh diaplikasikan dalam pembelajaran mereka masing-masing.

Program ini dianjurkan oleh PTAR UiTM Cawangan Pulau dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling UiTM Cawangan Pulau Pinang.



# Program Peningkatan Motivasi dan Lawatan Sambil Belajar Pelajar SMV Kolej Vokasional Nibong Tebal














## Larian Amal Penyayang & Sukaneko Bersama Alumni, Komuniti & Industri UiTMCPP 2024

- 18 Mei 2024
- 7.00 pagi – 6.00 petang
- PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang
- Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni, Kelab Penyayang & MASMED dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Program Larian Amal Penyayang & Sukaneko ini telah dirasmikan oleh Prof TPr. Dr. Jamalunlaili Abdullah, Timbalan Naib Canselor ICAN UiTM. Ianya bertujuan untuk menjalinkan hubungan yang lebih rapat antara warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, komuniti dan juga alumni.

Selain itu ia turut membantu dalam penjanaan sumbangan untuk melaksanakan beberapa projek-projek komuniti dalam dan luar kampus serta dapat menggalakkan warga kampus mengamalkan cara hidup sihat. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah Charity FunRun, Pertandingan FIFA, Tangram Jump Rope by Switch, Kraftangan dan Alumni Session.



## Larian Amal Penyayang & Sukaneko Bersama Alumni, Komuniti & Industri UiTMCPP 2024










## Kelas Digital Percuma: Canva AI

31 Januari 2024

10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Pusat IT, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

PTAR UiTM Cawangan Pulau dengan kerjasama Digital Penang




Seramai 37 orang peserta terdiri daripada staf UiTM Cawangan Pulau Pinang dan komuniti setempat telah mengikuti kelas ini yang berlangsung selama 2 jam. Ianya dikendalikan oleh pasukan pengajar daripada kumpulan #Dah Digital. Sepanjang kelas berlangsung, para peserta telah diberikan penerangan asas mengenai penggunaan Canva disamping berpeluang untuk menyediakan poster promosi Kelas #Dah Digital.







## D2BF4.0: OBESITY CRASH COURSE

1 Februari - 28 Februari 2024

Sekitar Kampus Bertam Dan Bukit Birut

Fisioterapi, Fakulti Sains Kesihatan, PTAR, Dan Unit Kesihatan UiTMCPP Kampus Bertam.




Program yang diadakan sepanjang bulan Februari 2024 ini bertujuan untuk staf UiTM Kampus Bertam mendapatkan berat badan yang diinginkan dan sentiasa mengamalkan cara hidup sihat.

Antara Aktiviti Yang Dijalankan:

- WEBINAR
- Senaman Core Kegel
- Hiking Bukit Birut
- Tabata
- Senamrobik
- Aerodance
- Bollydance
- Briskwalk








## Apple Technology for Education @PTAR: Apple Teacher Briefing & Do More with iPad




8 Mac 2024

10.00 pagi - 11.00 pagi

Ruang LCE, PTAR UiTMCPP

Switch dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan Kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang



Program yang telah disertai oleh staf UiTM Cawangan Pulau Pinang ini, memberi latihan kepada peserta untuk menggunakan peranti Apple dengan berkesan serta meneroka teknologi terkini daripada Apple. Setiap peserta diberikan peranti Apple dan berpeluang untuk menggunakannya sepanjang sesi ini.

## Kelas Digital Percuma: Capcut (Video Editing)

20 Mac 2024

10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Pusat IT, PTAR UiTMCPP

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Digital Penang




Sinergi antara PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang bersama Digital Penang terlaksana dengan penganjuran Kelas Digital Percuma ini. Program yang berdurasi selama 2 jam mengajar peserta menggunakan aplikasi CapCut iaitu teknik asas, tool dan efek untuk menyunting video dengan mudah. Ianya telah dihadiri oleh 32 orang peserta terdiri daripada warga UiTM dan juga komuniti setempat.







## Berdua Lebih Baik (Switch Training Session)

22 Mac 2024

10.00 pagi - 11.00 pagi

Bilik Mesyuarat, PTAR UiTMCPP

Switch dan Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Melalui maklumbalas yang baik daripada peserta pada sesi pengenalan yang lepas, ianya telah membawa kepada penganjuran sesi latihan ini. Peserta diberi tunjuk ajar secara 'hands on' bagi menerokai teknologi terkini daripada Apple.






## Kelas Digital Percuma: TikTok




26 Jun 2024

10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Pusat IT, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang dengan kerjasama Digital Penang

Sinergi ke 3 antara PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang bersama Digital Penang diteruskan dengan pelaksanaan Kelas Digital Percuma: TikTok. Melalui program ini peserta diberi pengenalan mengenai TikTok dan cara menguruskan akaun TikTok. Peserta turut berpeluang membuka akaun TikTok masing-masing serta berkongsi video.







## "Free Meal 3.0: Best of Luck on your Exam"

1 - 16 Februari 2024

Mengikut Jadual Peperiksaan

PTAR UiTMCPP Kampus Bertam

1021 orang








## Kursus Pengurusan Media Sosial




14 Februari 2024

9.00 pagi - 1.00 tengah hari

Pusat IT, UiTMCPP Kampus Bertam

Peserta daripada Rumah Ngaji Pulau Pinang

Anjuran PTAR UiTMCPP Kampus Bertam dengan kerjasama Rumah Ngaji Pulau Pinang dan disampaikan oleh Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar.






## Program Khidmat Komuniti : Bengkel Bacaan Pantas & Literasi Maklumat di MRSM Balik Pulau, Pulau Pinang

- 20 November 2024
- 8.00 pagi - 12.30 tengah hari
- Pusat Sumber Pembelajaran, MRSM Balik Pulau
- 74 orang peserta








## Program Khidmat Komuniti : Bengkel Bacaan Pantas di MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang

- 21 November 2024
- 2.30 petang - 4.30 petang
- Dewan MRSM Kepala Batas
- 149 orang peserta






## "School Break Fun Learning: I want To Be A Scientist"

23 - 24 Disember 2024

8.00 pagi - 4.30 petang

PTAR UiTMCPP Kampus Bertam

100 kanak-kanak, 12 Briged Sukarelawan Perpustakaan dan 28 AJK / Staf










JIKA SEORANG MENCARI ILMU, MAKA ITU AKAN TAMPAK DI WAJAH, TANGAN, DAN LIDAHNYA SERTA DALAM KERENDAHAN HATINYA KEPADA ALLAH

HASAN AL-BASHRI

# PENERBITAN

# BULETIN LIBRARY BUZZ 2024
## Terbitan setiap sukuan tahun


LIBRARY Buzz

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Bil.1/2024 JAN - MAC

**Program Team Building PTAR UiTMCPP di Sumpitan Glamping, Lenggong, Perak- 27 & 28 Februari 2024**

PTAR UiTMCPP mengadakan program Team Building di Sumpitan Glamping, Lenggong, Perak, pada 27 dan 28 Februari 2024. Program ini bertujuan mengeratkan hubungan dan memupuk semangat berpasukan. Aktiviti termasuk taklimat, aktiviti berkumpulan, solat berjemaah, tazkirah, sambutan hari lahir, dan penyampaian hadiah. Seramai 19 staf dan tiga pelajar praktikal menyertai program ini.

Hari kedua dimulakan dengan solat subuh, brisk walking, dan acara bertukar hadiah. Dalam ucapan penutup, Tuan Haji Ahmad Faizar Jaafar berterima kasih atas kerjasama semua dan berharap program seperti ini diteruskan. Rombongan pulang ke UiTMCPP pada jam 4.30 petang.


LIBRARY Buzz

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Bil.2/2024 APR - JUN

**Ulasan Buku bersama Dr Ili sempena Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit - 23 APRIL 2024**

Program ini bertujuan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar serta memberi pendedahan terhadap kepentingan membaca sebagai amalan harian.

Dalam sesi ini, Dr. Ili telah berkongsi pandangannya mengenai sebuah buku pilihan yang penuh inspirasi, sambil mengupas tema utama dan nilai-nilai yang boleh diterapkan dalam kehidupan. Sesi ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mendengar ulasan yang menarik tetapi juga untuk bertanya soalan dan berbincang secara santai bersama penceramah.

Peserta yang hadir terdiri daripada 25 orang pelajar yang aktif memberikan respons dan menunjukkan minat terhadap buku yang dibincangkan. Program ini berlangsung dalam suasana interaktif, di mana pelajar turut berkongsi pandangan mereka dan belajar sesuatu yang baharu.


LIBRARY Buzz

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Bil.3/2024 JUL - SEPT

**Program Khidmat Komuniti Sekolah: Speed Reading bersama pelajar tingkatan 5 SMK Bandar Perda, Pulau Pinang - 15 Ogos 2024**

Pada 15 Ogos 2024, PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang menerima kunjungan 37 pelajar Tingkatan 5 SMK Bandar Baru Perda bersama 4 guru pengiring dalam Program Khidmat Komuniti Sekolah anjuran Unit Kerjaya dan Kaunseling UiTMCPP.

Pelajar menghadiri sesi Speed Reading di Pusat IT, PTAR UiTMCPP selama satu jam setengah yang dikendalikan oleh Puan Nur Azriena Yusuf dan Puan Noor Sapiza Tajuddin. Sesi ini memberi pendedahan kepada teknik bacaan pantas tanpa mengurangkan pemahaman teks.

Program diakhiri dengan majlis penyampaian cenderahati dan sesi bergambar bersama-sama semua pelajar dan guru pengiring yang hadir.


LIBRARY Buzz

PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang

Bil.4/2024 OCT - DIS

**PTAR Open Day 2024 - 5 hingga 7 November 2024**

PTAR Open Day 2024 yang berlangsung dari 5 hingga 7 November 2024 telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan mencatatkan kehadiran lebih 2500 pengunjung. Program ini dianjurkan bersama oleh PTAR UiTM Cawangan Pulau Pinang (UiTMCPP) Kampus Permatang Pauh dan Kelab Briged Sukarelawan Perpustakaan dengan kerjasama Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTMCPP, MASMED dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTMCPP.

Program yang bermula pada 5 November 2024, dimulakan dengan acara Hari Terbuka Unit Zakat, Sedekah dan Wakaf (UZSW) UiTM Cawangan Pulau Pinang, penyerahan sumbangan kecemerlangan akademik pelajar asnaf sesi Mac - Ogos 2024 serta perasmian dapur UZSW FoodBank : Emergency Foodpack.

**BULETIN LIBRARY BUZZ 2024 Bil.1/2024 Jan - Mac**

**BULETIN LIBRARY BUZZ 2024 Bil.2/2024 Apr - Jun**

**BULETIN LIBRARY BUZZ 2024 Bil.3/2024 Jul - Sep**

**BULETIN LIBRARY BUZZ 2024 Bil.4/2024 Okt - Dis**

## SEMARAK TULISAN JAWI




Penerbitan bulanan

## REPOSITORI PERSURATAN JAWI




Penerbitan bulanan

## ARCHIVE COLLECTION







**Penerbitan bulanan**

## ULANG TAHUN KELAHIRAN STAF









# POSTER INFOGRAFIK

## Poster-poster Perkhidmatan/Kemudahan PTAR


















MENUNTUT ILMU ADALAH TAQWA. MENYAMPAIKAN ILMU ADALAH IBADAH. MENGULANG-ULANG ILMU ADALAH ZIKIR. MENCARI ILMU ADALAH JIHAD

ABU HAMID AL GHAZALI

# KERATAN AKHBAR



Cik Ti

# MASUKKAN NEWSHUB BERITA BERTAM KAT SINI




# QR CODE

# LAPORAN TAHUNAN 2024

## PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK CAWANGAN PULAU PINANG